

14 SEP 1999

Mahathir-Pemimpin

JANGAN SOKONG KERANA SIFAT INDIVIDU PEMIMPIN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, para pemimpin parti politik harus disokong berdasarkan kedudukan mereka sebagai pemimpin pertubuhan itu dan bukan atas sifat peribadi mereka.

"Sokongan kepada saya seharusnya atas kedudukan saya sebagai Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN)," katanya.

"Kita sokong kerana parti, bukan tubuh badan seseorang itu," katanya kepada ribuan rakyat pada perhimpunan di kawasan Taman Keramat dekat sini petang ini.

Dr Mahathir yang melawat Selangor dalam siri lawatannya ke negeri-negeri, memberi ingatan itu kerana menurutnya, telah ada mereka yang mengikut seseorang itu bukan kerana orang itu pemimpin tetapi kerana peribadinya.

" Kita lihat bila seorang pemimpin parti disingkir, ahli Umno dan penyokong BN tidak turut keluar dari parti," katanya yang jelas merujuk kepada penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disingkir daripada Umno setahun lalu atas dakwaan salahlaku seks.

"Semasa dia (Anwar) dalam Umno, dia dipuja sebagai pemimpin tetapi bila dia disingkir, dia tentang Umno dan kerajaan BN sebagai tidak adil. Dia pemimpin tak berjiwa Umno," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, ramai pemimpin Umno dan BN apabila tidak lagi menjadi pemimpin, mereka tidak mengutuk parti malah terus memberi sokongan padu kepada parti.

"Mereka inilah golongan berjiwa Umno, bersemangat Umno dan semangat BN tersemat di hati mereka," katanya.

Sambil menyifatkan tindakan membawa keluar anggota parti bila seseorang itu tidak lagi berada dalam parti sebagai tidak sihat, Dr Mahathir mengingatkan anggota BN bahawa mereka berada dalam parti kerana berjuang membaiki, memaju dan mempertahankan maruah negara dan bangsa.

"Kalau saya nak keluar dari BN, jangan ikut saya sebab itu bukan kehendak parti," katanya, sambil menambah sesiapa yang menjadi pemimpin sesuatu ketika itu hanyalah kebetulan sahaja.

Beliau juga berkata pemimpin yang tidak menyumbang kepada perjuangan parti adalah tidak berguna sama sekali.

"Jangan kita taat kepada mana-mana orang sehingga keburukannya tidak kita peduli," katanya.

Perdana Menteri mengulangi bahawa Umno ditubuhkan bukan untuk membenci atau menjatuhkan sesiapa tetapi untuk memperjuangkan bangsa dan kemerdekaan negara.

"Hari ini orang lain tidak boleh menghina kita sebab kita dah buktikan kebolehan kita. Di bawah BN, negara telah maju dengan pesatnya sehingga kita digelar "Harimau Ekonomi," katanya.

Berbeza dengan parti lawan seperti PAS, katanya, parti itu menyuruh anggotanya membenci pemimpin Umno.

"Kalau Pas berpidato, mereka memaki dan menyatakan kebencian kepada Umno dan pemimpin Umno. Mereka bukan berjuang untuk bangsa, agama dan negara tetapi berjuang untuk runtuhkan Umno," katanya disambut dengan laungan "Betul" oleh hampir 20,000 orang yang tidak berganjak walaupun hujan semakin lebat turun pada pertengahan ucapan Dr Mahathir.

Pada persidangan media kemudian, Dr Mahathir berkata beliau banyak terhutang budi kepada parti sehingga dipilih menjadi Perdana Menteri.

"Saya tak dapat tempat ini atau publisiti atau sokongan jika tidak kerana parti," katanya.

"Saya tak suruh orang "personal loyalty" kepada saya, (sehingga) kalau saya keluar dari parti mereka juga harus ikut saya. Saya cuma pemimpin Umno, pemimpin BN dan orang sokong saya. Semua itu semata-mata sebab saya jadi pemimpin parti. Bukan kerana saya ni elok sangat," katanya.

Ketika ditanya mengenai lawatan dua hari beliau ke negeri Selangor yang berakhir hari ini, beliau berkata, "nampaknya bagus."

Beliau berkata, Selangor nampaknya sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya.

"Semangatpun bagus. Kalau ada pilihan raya hari ini pun boleh," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan surat kelulusan hakmilik tanah kepada penduduk di tiga kawasan iaitu Kg Sg Sering Mukim Hulu Klang, Kg Melayu Sri Kundang dan Ampang Campuran, Hulu Langat.

Perdana Menteri turut menyampaikan surat tawaran rumah kos rendah Taman Bolton kepada penduduk setinggan Kg Banjar, Gombak dan melancarkan projek Pembangunan Pusat Perdagangan (AU2) Bandar Baru Ampang/Hulu Klang.

-- BERNAMA

NZ AFY PR